

Newspaper	Harakah
Date	27 July 2015

# Najib jangan tunduk tekanan TPPA

Harakah - 27/7/2015

Oleh ARIF ATAN

**KUALA LUMPUR:** Perdana Menteri, Dato' Seri Najib Tun Razak diingatkan supaya tidak raenandatangani Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang dilihat membuka ruang tanpa kawalan kepada syarikat multinasional.

Pengerusi Lajnah Kebajikan Dan Prihatin Rakyat Dewan Pemuda PAS Malaysia, Ustaz Hishamuddin Abdul Karim berkata, TPPA yang dicanang Amerika Syarikat (AS) untuk dimeterai menjelang akhir tahun ini masih diselubungi banyak kerahsiaan.



Ustaz Hishamuddin Abdul Karim

"Perjanjian ini dilihat peik kerana kerana tiada

pendedahan untuk maklumat rakyat. Isi kandungan digelapkan dari pengetahuan rakyat.

"Apa jaminan pihak kerajaan bahawa TPPA memberikan pulangan baik untuk negara. Apa contoh produk dalam negara yang akan diperkenalkan?" bidasnya ketika dihubungi *Harakah*, 24 Julai lalu.

Mengulas lanjut perjanjian perdagangan kontroversi yang turut membabitkan 10 negara Pasifik lain itu, beliau berkata, muslihat dan sikap kepura-puraan AS yang kononnya mahu meningkatkan hubungan perdagangan dengan negara seperti Ma-

laysia dibimbangi 'akan menjejaskan kepentingan rakyat.

"Dalam sektor pertanian contohnya, rakyat kita khususnya pengusaha sawah padi dalam negara terpaksa bersaing hebat dengan pihak luar yang dilihat akan bebas menyertai pasaran dalam negara," ujarinya.

Sehubungan itu, Ustaz Hishamuddin menggesa supaya ahli parlimen sebagai pihak yang terlibat dengan proses menggubal undang-undang diberi peluang untuk membahaskan butiran perjanjian itu secara telus melalui penerangan pihak kerajaan.

"Pada masa sama, ahli akademik pelbagai kepa-

karan dan tokoh-tokoh pimpinan NGO dalam hal ehwal pengguna perlu dihimpunkan untuk membincangkan isu perjanjian ini secara lebih menyeluruh," katanya lagi yang juga Adun Tepoh di Terengganu.

Sementara itu, Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir Hamim Samuri pada 22 Julai lalu dilaporkan berkata, rundingan berkaitan TPPA melibatkan peringkat pegawai dan menteri dengan jangkakan pada awal Ogos ini di peringkat ketua negara.

Dalam hal berkaitan, kempen 'online' membantah perjanjian perdagangan yang akan mengancam

kedaulatan negara itu giat dijalankan oleh gabungan 52 badan bukan kerajaan (NGO) dan tujuh Jawatankuasa Bersama dikenali sebagai Badan Bertindak Bantah TPPA (BANTAH TPPA).

Sehubungan itu, BANTAH TPPA menyeru orang ramai menandatangani petisyen bantahan dalam [www.janganjualnegara.com](http://www.janganjualnegara.com).

Laman sesawang itu juga menyediakan penerangan awam mengenai kontroversi dan akibat TPPA termasuk dalam bentuk info grafik selain status proses rundingan dan jumlah terkini bantahan yang diterima dengan lebih 15,000 orang setakat 24 Julai.